Kenyataan Media

KOMEN JELIK DI TIKTOK DAN FACEBOOK: EMPAT LAGI SUSPEK DISIASAT

CYBERJAYA, 17 Julai 2024 -- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) meneruskan operasi menyiasat empat (4) lagi suspek berhubung komen jelik dan provokatif menerusi siaran ulangan sesi Parlimen yang dimuat naik di platform TikTok dan Facebook pada 9 Julai 2024.

Sesi rakaman percakapan terhadap empat (4) suspek itu dilakukan di empat (4) lokasi berasingan iaitu di Rawang, Selangor; Sungai Petani, Kedah; Butterworth, Pulau Pinang dan Kangar, Perlis setelah aduan diterima daripada orang awam. Ini menjadikan jumlah keseluruhan individu yang telah disiasat seramai enam (6) orang. Tindakan ini adalah untuk membendung gejala buli siber yang berleluasa dalam kalangan masyarakat.

Dalam operasi yang dijalankan, kad sim dan telefon pintar milik keempat-empat suspek yang digunakan untuk memuat naik komen jelik itu telah disita bagi membantu siasatan.

Terdahulu, MCMC telah menyerahkan Notis Kehadiran kepada kesemua suspek mengikut prosedur yang ditetapkan.

Kes disiasat di bawah Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588) yang memperuntukkan hukuman denda maksimum RM50,000 atau penjara satu tahun atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan. Seksyen itu melarang pembuatan atau penghantaran komunikasi yang antara lain bersifat jelik, lucah atau sumbang dengan niat untuk menyakitkan hati atau mengganggu orang lain.

MCMC mengingatkan orang ramai untuk tidak menggunakan perkhidmatan rangkaian dan aplikasi dalam talian untuk membuat sebarang hantaran dan komen yang bertentangan dengan undang-undang negara. Tindakan tegas akan diambil terhadap mereka yang menyalahgunakan platform dalam talian dan telekomunikasi, rangkaian atau kemudahan dalam talian yang menganggu-gugat keharmonian sosial.

KOMUNIKASI KORPORAT MCMC

LAMPIRAN (GAMBAR)

KAPSYEN GAMBAR

Gambar 1-4: Empat suspek yang memuat naik kandungan jelik di TikTok dan Facebook sedang dirakam percakapan.

Gambar 5-12: Telefon pintar dan kad sim milik keempat-empat suspek disita untuk membantu siasatan.